



MAJLIS BANDARAYA SÉBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

Puan Heng Yeh Shiuan

AHLI MAJLIS

MAJLIS BANDARAYA SÉBERANG PERAI

SEMPENA

**PROGRAM PROMOSI PERTANIAN BANDAR SEMULA JADI DI
DEWAN KOMUNITI BAYU MUTIARA (DEWAN MPKK BUKIT
TENGAH) SPT**

TARIKH / MASA / TEMPAT

26 MEI 2024 (AHAD)

11.00 PAGI

DEWAN MPKK BUKIT TENGAH, SPT

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Gooi Hsiao-Leung

Adun Bukit Tengah

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik/Puan...

Pengerusi

MPKK Bukit Tengah

Encik/Puan.....

Pengerusi/Wakil

Jawatankuasa Pembangunan Wanita Dan Keluarga (JPWK)

Encik/Puan.....

Pengerusi/Wakil

Women Engineers Penang

Dr. Tee Tuan Poy

Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian

Universiti Putra Malaysia (UPM)

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Pertama sekali, marilah kita sama-sama bersyukur kepada tuhan kerana masih lagi dipanjangkan usia kita dan dapat kita berkumpul pada pagi yang indah ini di dalam **Program Promosi Pertanian Bandar Semula Jadi di Dewan Komuniti Bayu Mutiara (Dewan MPKK Bukit Tengah)** anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), *Women Engineers* dan Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Tengah dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).
2. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian untuk menjemput saya bagi menyampaikan ucapan alu-aluan bagi pihak pengajur program pada hari ini bagi Program Promosi Pertanian Bandar Semula Jadi di Dewan Komuniti Bayu Mutiara (Dewan MPKK Bukit Tengah).
3. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK), pihak Universiti Putra Malaysia dan juga *Women Engineers* yang sudi menjalin kerjasama strategik dengan MBSP dalam usaha-usaha Program Promosi Pertanian Bandar Semula Jadi. Saya amat-amat mengharapkan agar kerjasama strategik ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dalam pelaksanaan pelbagai program yang memberi manfaat kepada penduduk Seberang Perai.

4. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP, Pegawai dan Kakitangan MBSP, rakan-rakan media, wakil-wakil daripada syarikat dan persatuan serta semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
5. Untuk makluman, program ini disasarkan kepada 200 orang awam bagi mempelajari kaedah yang betul dalam menjalankan aktiviti pertanian bandar. Seramai tujuh (7) orang kakitangan MBSP dari Unit Pengurusan Kebun Komuniti dan Kompos juga turut menyertai bagi mendapatkan ilmu terkini mengenai pertanian.
6. Terima kasih kepada Dr Tee Tuan Poy selaku Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia(UPM) yang berbesar hati untuk memberi taklimat dan bimbingan secara percuma kepada peserta bengkel ini.

7. Bengkel pertanian bandar ini diadakan di dewan komuniti ini dan aktiviti pertanian secara praktikal juga diadakan di perkarangan luar dewan. Antara pengisian bengkel adalah merangkumi :
- I. Teknik pengkomposan
 - II. Teknik penanaman
 - III. Cara bantuhan baja organik
 - IV. Cara tanaman sayur
8. Secara umumnya, pertanian bandar merupakan satu aktiviti yang mampu menghasilkan bahan makanan, pemprosesan makanan, dan pemasaran produk makanan dalam kawasan bandar mahupun pinggir bandar. Aktiviti ini boleh dilaksanakan secara individu di rumah masing-masing atau berkumpulan di kawasan taman perumahan ataupun di kawasan komuniti masing-masing.
9. Pertanian bandar merupakan langkah terbaik untuk mengatasi masalah sukar mendapatkan bekalan bahan makanan yang mencukupi dan berkualiti malah memenuhi keperluan sendiri dan masyarakat sekitar.

10. Masyarakat yang menjalankan pertanian bandar secara kecil-kecilan di kediaman masing-masing bukan sahaja tidak mengharapkan kepada pertanian luar bandar semata-mata, tetapi juga mampu mendapatkan bahan makanan yang segar, berkualiti dan bebas bahan kimia dalam menu harian masing-masing.
11. Program Pertanian Bandar yang diadakan ini bukan sahaja boleh mengurangkan kos perbelanjaan harian penduduk malah dapat memupuk perpaduan di kalangan masyarakat setempat. Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum memerlukan program seperti ini untuk terus menyatupadukan hubungan antara kaum dan memupuk semangat kejiranan. Pertanian bandar yang diusahakan secara bersama dengan ahli keluarga masing-masing di sekitar rumah juga mampu merapatkan hubungan antara ahli keluarga.
12. Pertanian Bandar sedikit sebanyak mampu menjadi medium penting bagi mengekalkan kelestarian kawasan bandar dengan meningkatkan jumlah kawasan hijau. Aktiviti ini bukan sahaja mencantikkan suasana pemandangan, malah menambahkan Kawasan teduhan dan mengawal suhu pada persekitaran kawasan bandar. Aktiviti bercucuk tanam juga memberikan peluang kepada masyarakat untuk mendekatkan diri dengan alam semula jadi.

13. Manfaat paling besar melibatkan diri dalam pertanian bandar sudah tentulah dalam aspek mengurangkan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sumber makanan selain mampu menjana pendapatan tambahan. Penduduk juga mampu mengurangkan kos perbelanjaan dapur apabila boleh memetik hasil sayuran mereka sendiri untuk dimasak.
14. Oleh itu, pertanian bandar merupakan antara sektor yang perlu diceburi oleh masyarakat kerana mempunyai faedah yang begitu besar. Pada peringkat permulaan, individu boleh menyertai program anjuran kerajaan seperti ini di kawasan tempat tinggal masing-masing. Tiada tanah atau tanah yang terhad bukanlah menjadi penghalang kepada pertanian bandar, kerana teknologi dalam bidang pertanian yang canggih pada masa ini mampu menjadi penyelesaian kepada masalah tersebut.
15. Kesimpulannya, amalan pertanian bandar pada hari ini bukan sesuatu yang asing dan bersifat baharu kerana ia telah menjadi amalan masyarakat dahulukala, yang menggunakan kawasan sekitar kediaman mereka untuk bertani bertujuan untuk menghasilkan makanan. Kini amalan ini mula dipraktikan oleh masyarakat bandar sebagai salah satu cara untuk menghasilkan sumber bahan makanan sendiri yang dijamin selamat dan mampu mengurangkan kos sara hidup.

16. Diharap melalui program ini, warga Seberang Perai sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan penggunaan MBSP *Smart Consumption Model* bagi *Sustainable Development* serta menekankan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar untuk mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan, “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**”.

Sekian, terima kasih.